

15/11/2003

Rakyat menaruh harapan besar kepada Pak Lah

Dzulkarnain Taib

PELANTIKAN Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-5 adalah petanda baik dan bukti kematangan politik di negara ini.

Agak tidak terlewat untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan beliau itu. Jika dibandingkan dengan beberapa negara di dunia ini, peralihan kuasa biasanya dibayangi oleh ancaman rampasan kuasa, pergolakan politik, kekacauan, rusuhan dan sebagainya.

Tetapi di Malaysia keadaan adalah sebaliknya. Peralihan kuasa dari Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Perdana Menteri baru dibuat penuh dengan tata susila, hemah dan berlandaskan lulas undang-undang yang termaktub di dalam perlembagaan.

Semua ini menunjukkan kejayaan pucuk kepemimpinan negara sejak merdeka lagi yang menjadikan perpaduan dan kerjasama antara kaum sebagai asas kepada segala tindakan yang diambil.

Adalah penting kita mengambil iktibar dan pengajaran daripada apa yang berlaku di negara lain supaya kita boleh menghindari kesilapan mereka.

Daripada pengalaman orang lain kita boleh berusaha membina sebuah negara yang maju, moden dan disegani. Walaupun sudah 46 tahun merdeka, generasi muda baru perlu sedar berapa pentingnya mempertahankan perpaduan kaum.

Jika dikaji ketika era kepemimpinan negara bermula dengan Almarhum Tunku Abdul Rahman sehinggalah kepada Tun Dr Mahathir perpaduan kaum adalah agenda utama kepemimpinan mereka.

Mereka sedar tiada gunanya negara mencapai kejayaan jika segala yang diusahakan akan dihancurkan oleh persengketaan dan perang saudara. Kini tugas dan tanggungjawab untuk memastikan kesinambungan tradisi ini terletak pada bahu Pak Lah.

Rakyat Malaysia menaruh harapan yang amat besar kepada beliau untuk membawa negara ini kepada tahap kejayaan yang lebih cemerlang. Namun sebagai pemimpin beliau juga memerlukan kerjasama daripada semua pihak agar segala yang dirancang untuk negara beroleh kejayaan.

Generasi muda juga amat berharap Perdana Menteri akan membawa nafas baru kepada aspirasi dan impian masyarakat pelbagai kaum. Antara aspek yang memerlukan penekanan ialah pendekatan baru untuk mengatasi masalah sosial yang melanda remaja kita.

Gejala penyalahgunaan dadah, pembabitan remaja dalam jenayah, ancaman terhadap keutuhan institusi keluarga adalah antara isu-isu yang diharap mendapat perhatian Pak Lah.

Di samping perlu merencana program pembangunan negara, kerajaan juga diharap memberi perhatian khusus kepada masalah sosial. Kerajaan telahpun melaksanakan pelbagai program bagi menangani serta memperbaiki taraf sosial.

Dasar Sosial Negara umpamanya menggariskan hala tuju dan prinsip bagi mencapai impian negara maju menjelang 2020. Adalah diharapkan kerajaan akan terus memberi perhatian sewajarnya agar masyarakat yang seimbang dari segi fizikal dan mental akan dapat diwujudkan. Hanya masyarakat yang sihat zahir dan batin saja dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

DZULKARNAIN TAIB,
Presiden,
Kelab Wartawan Muda Malaysia.